

06 JUN 2003

Mahathir-Berlepas

MAHATHIR BERLEPAS KE KL, UCAP SELAMAT TINGGAL

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 6 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Kuala Lumpur hari ini selepas lawatan tiga hari ke Jepun yang dilihat sebagai lawatan terakhirnya sebagai Perdana Menteri sebelum beliau meletakkan jawatan pada Oktober.

Pada jamuan malam yang dianjurkan oleh Nikkei malam tadi sempena persidangan kesembilannya mengenai "Future of Asia: Genesis of a New Order," (Masa Depan Asia: Asal Usul Orde Baru), Dr Mahathir berkata penyertaan beliau pada tahun ini merupakan yang terakhir baginya dan "sebagai ucapan selamat tinggal" kepada persidangan itu.

Dr Mahathir, 77, yang menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat pada 1981, bagaimanapun tidak menyatakan bahawa itu adalah lawatan terakhirnya ke Jepun sebagai perdana menteri, tetapi penyertaan terakhirnya ke persidangan Nikkei, yang menurut Duta Malaysia Datuk Marzuki Mohd Noor, "persidangan itu tidak akan sama tanpa Dr Mahathir."

Melihat kepada dewan persidangan yang dipenuhi peserta yang terdiri daripada eksekutif syarikat dan pegawai kanan kerajaan, jelas menunjukkan persidangan Nikkei amat berjaya, dengan persidangan Meja Bulat Pemimpin-pemimpin Asia bagi "Asean - Japan Exchange year 2003: Genesis of a New Asian Order" (Pertukaran Asean-Jepun Tahun 2003: Asal Usul Order Baru Asia") mendapat lebih tumpuan.

Bagi Dr Mahathir, persidangan tahun ini amat memberangsangkan berikutan pemimpin-pemimpin Asean dan Jepun dapat duduk bersama dan membincangkan isu-isu kepentingan bersama. Dr Mahathir turut disertai Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra dan bekas perdana menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto pada persidangan meja bulat itu selepas beliau menyampaikan ucaptamanya.

Pada jamuan malam itu, Perdana Menteri Malaysia berkata persidangan meja bulat itu amat menarik kerana banyak soalan telah dikemukakan oleh para peserta yang ingin mendapatkan pandangan pemimpin-pemimpin Asean mengenai isu-isu seperti perancangan nuklear Korea Utara, fundamentalisme Islam dan keganasan, peranan Jepun di Asia dan juga Pasaran Bon Asia yang diilhamkan oleh Thailand.

Program tiga hari itu meliputi dua persidangan, kunjungan oleh tiga menteri Jepun dan lawatan ke RIKEN (Institut Penyelidikan Fizikal dan Kimia) Institut Yokohama, yang menjalankan penyelidikan saintifik asas dan gunaan dalam pelbagai bidang termasuk fizik, kejuruteraan, kimia, biologi dan sains perubatan.

Sebelum lawatan itu, beliau diberi taklimat mengenai pelan induk lembah bio oleh arkiteknya Dr Kisho Kurokawa dan mengadakan perbincangan dengan para penyelidik dan wakil syarikat-syarikat farmaseutikal Jepun.

Semasa di sini, Dr Mahathir telah mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Jepun Junichiro Koizumi. Beliau turut mengadakan perjumpaan dengan bekas perdana menteri Jepun Yasuhiro Nakasone yang juga merupakan pengerusi Institut Kajian Dasar Antarabangsa (IIPS) pada hari pertama lawatannya, kira-kira satu setengah jam selepas beliau tiba di Hotel Imperial, tempat beliau menginap.

Perdana Menteri Malaysia itu berlepas ke sini dari Frankfurt pada Selasa selepas menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota di bandar Evian, Perancis.

Turut hadir untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa

Narita ialah Marzuki dan para pegawai kedutaan.

-- BERNAMA

SS HK RHM